

BAB KEDUA

RIWAYAT HIDUP NAFSAH BINT 'UMAR IBN AL KHATTĀB.

## BAB KEDUA

### RIWAYAT HIDUP HAFSAH BINT UMAR IBN AL KHATTAB.

Hadīth adalah sumber kedua kepada perundangan Islam selepas al Qur'ān dimana ia berfungsi menghuraikan al Qur'ān. Hadīth hadīth ini terbahagi kepada beberapa bahagian.

Periwayat hadīth hadīth Rasūlullāh (s. a.w.) adalah adalah mereka yang rapat dengan baginda, di mana mereka adalah dari isteri isteri baginda, para sahabat dan kaum keluarga baginda. Di sini ingin dibentangkan salah seorang dari perawi hadīth baginda ia itu Hafsa Bint 'Umar al Khattab yang juga salah seorang dari isteri isteri baginda. Sebelum dibentangkan hadīth hadīth riwayat 'Ummu al Mu'minīn ini, elok dikenali dulu latar belakang periwayat ini melalui riwayat hidupnya.

#### 2.1. Keturunan Dan Latar Belakang Hafsa (r. 'a.).

Hafsa Bint 'Umar ibn al Khattab Ibn Nufayl Ibn 'Abd al-Uzza Ibn Rabah Ibn Qurt Ibn Razah Ibn Adiyy Ibn Ka'b Ibn Lubayy. Manakala nasab dari sebelah ibunya ialah Zaynab Bint

Maz'un Ibn Hubayb Ibn Hudhayfah Ibn Jumah. Ibunya bersaudara dengan Uthman Ibn Maz'un. Dari nasab yang dikemukakan itu di sahankan keturunan beliau bertemu dengan keturunan Rasūlullāh (s. 'a.w.) pada peringkat datuk yang ke 7 dari Nabi (s. 'a.w.) dan diperingkat datuk yang ke 8 dari Umar Ibn al Khattab.

Manakala dari sebelah ibunya pula nasab Hafsa bertemu dengan nasab Rasūlullāh (s. 'a.w.) pada peringkat datuk yang ke 6.<sup>62</sup>

## 2.2. Kelahirannya.

Hafsa lahir 5 tahun sebelum perlantikan Muhammād al Amin sebagai Rasūlullāh, iaitu ketika penduduk Makkah sedang membina kembali Ka'bah yang mengalami kerosakan akibat banjir,<sup>63</sup> di mana di waktu inilah Allāh (s.w.t.) telah menonjolkan kebijaksanaan Muhammād al Amin.<sup>64</sup>

61

Al Waqidi, Al Tabaqat al Kabir, J, iii (Liedan: Braill, 1321 H.) h.56.

62

Ibn al Athīr, Izz al Dīn, Uṣd Ghābih Fi Ma'rifat al Sahābah J. iv (Kahirah: Dār Sha'bī, 1393 H.) h. 75.

63

Akmal Hj. Mohd. Zain dan Mohd. Shafwan Aminullah, Istori-isteri Rasulullah, (Kuala Lumpur: al Mizan, 1987) h. 59.

64

Al Būndak Ahmād Salīḥ, Fi Suhbat Nabi, (Beirut: Dār al 'Afāq al Jadidah, 1399 H.) h. 50.

65

Al Nawawī, Abu Zakaryya Muhy al Dīn, Tadzhīb al Asmā' Wa al Lughāt, J. vii (Kahirah: al Munīr, 1922) h. 239.

Ini bermakna kelahiran Hafrah sama dengan kelahiran Fatimah Bint Muhammad, namun corak penerimaan dari kedua bapa kepada anak-anak itu berbeza. Nabi Muhammad (s.a.w.) telah menerima berita itu dengan gembira berbeza dengan Umar yang menerima dengan perasaan marah. Ini adalah kerana menurut adat jahiliyah anak perempuan adalah sesuatu yang hina, sebagaimana yang dinyatakan di dalam al Qur'an:  
66

67

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُنْثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسُودًا وَهُوَ كَظِيمٌ

Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia memperolehi anak perempuan, mula-mula mukanya sepanjang hari (kerana menanggung duka cita) sedang ia menahan marahnya.

Hafrah dididik dan diasuh oleh ibunya di dalam golongan keluarga yang mulia dan disegani di kalangan masyarakat Quraysh

### 2.3. Memeluk Islam.

Muhammad al Amin dilantik oleh Allah (s.w.t.) menjadi pesuruhnya sesudah 5 tahun kelahiran Hafrah (r.a.). Dakwah Rasulullah yang mengajar aqidat yang benar serta menyuruh meninggalkan penyembahan berhala dan tradisi tradisi jahiliah

66

Akmal Hj. Mohd. Zain dan Mohd. Shafwan Aminullah, Op. cit.

67

S. al Nahj: a. 58.

telah mendapat tentangan yang hebat dari orang-orang Quraysh  
terutama dari golongan bangsawan.<sup>68</sup> Umar Ibn al-Khattab adalah  
salah seorang bangsawan Quraysh yang begitu kuat menentang  
Islam samada secara lisani maupun tenaga, dan tanpa mengira  
tempat samada di Dār al-Nadwah ataupun di rumahnya.

Walaubagaimanapun dengan hidayah dari Allah (s.w.t.)  
serta doa dari RasulNya (s.a.w.) telah membuka pintu hati  
Umar untuk menerima Islam. Beliau kemudiannya memerintahkan  
ahli keluarganya agar memeluk Islam, lalu terdidiklah Hafsa  
mengikut ajaran Islam hingga melahirkan sifat-sifat yang mulia  
dan terpuji.

#### 2.4. Perkahwinan (r. a.) Yang Pertama.

Setelah meningkat remaja, ditambah dengan kelebihan rupa  
dan perangainya telah mengharumkan nama Hafsa di kalangan  
para pemuda Arab. Beliau kemudiannya berkahwin dengan seorang  
pemuda Quraysh yang bernama Khunais Ibn Wudhafah al-Salmi. Ia  
adalah salah seorang dari umat Islam yang berhijrah ke Habbah.

Beliau adalah saudara kepada Abd Allah Ibn Hudhaifah yang diutuskan oleh Nabi Muhammad (s. a.w.) menemui Quisar Rom. 70 Beliau adalah seorang yang pemurah dan berbudi mulia.

#### 2.5. Hijrah Ke Madinat.

Keganasan dan kekejaman kaum Quraysh terhadap umat Islam semakin meningkat terutama sekali kepada umat Islam dari gelongan miskin dan lemah.

Walaupun Hafsa dan Khunais tidak disiksa sebagaimana umat Islam lain kerana mereka dari keluarga 'Umar al Khattab yang ditakuti, tetapi sedikit sebanyak ia telah mengugat ketenangan mereka. Lalu Rasūlullāh (s. a.w.) telah memberi keterangan kepada umat Islam untuk sekali lagi berhijrah, kali ini ke Madīnat, di mana mereka akan memperolehi perlindungan dan ketenangan. Antara umat Islam yang berhijrah termasuklah Khunais dan isterinya Hafsa di sana mereka akan terus berjuang menegakkan syi' ar Islam.

#### 2.6. Menjadi Janda.

Setelah 2 tahun terdirinya kerajaan Islam di al Madīnat al Munawwarah, orang-orang Islam terlibat dalam satu perang dengan Ausrykyin Makkah. Perang ini berlaku di bulan mulia

Ranadun di suatu tempat bernama Badr dan mengambil sempena nama tempat tersebut, maka perang itu dinamakan perang Badr.

Ramnalah umat Islam yang menyahut seruan jihad di jalan Allah itu termasuklah Khunais Ibn Hudhafah i.e itu suami kepada Hafsa Bint 'Umar Ibn al Khattab.

Walaupun umat Islam berjaya di dalam perang ini, namun ramai juga tentera tentera Islam yang shahid. Antaranya ialah Khunais Ibn Hudhafah di mana beliau mendapat luka parah dalam usaha menegakkan agama dan aqidatnya.<sup>70</sup>

Berita tentang keshahidan Khunais telah disampaikan kepada Hafsa yang menerima dengan sedih kerana kehilangan tempat berlindung, tetapi merasa bangga kerana kematiannya itu memuji menegakkan agama Allah.

#### 2.7. Berkahwin Dengan Rasulullah (s.a.w.)

Selepas kematian suaminya Hafsa (r.a.) sentiasa berduka cita dan sedih. Ini menyebabkan perasaan ayahnya turut

tertekan, lalu timbulah niat di hatinya untuk mencari suami kepada anaknya agar ia dapat melupakan kesedihan itu.

Maka jatulah pilihannya ke atas Abī Bakr Ibn Ḥafṣah ia itu sahabat setia Rasūlullāh (s.a.w.) yang juga sastruanya.

Pilihan ini berdasarkan kewibawaan, ketuaan, budi pekertinya yang pemaaf dan tabiatnya yang tenang dikira dapat menghadapi

71  
Hafṣah yang bersifat gelisah dan pesimis. Lalu Umar pun pergi mengomui Abī Bakr dan membincangkan hati Hafṣah, di mana kemudian  
nya Umar menawarkan agar Abī Bakr mengahwini Hafṣah. Tetapi  
72  
saranaan itu tidak dijawab oleh Abī Bakr.

Umar yang merasa marah dengan sikap Abī Bakr itu telah  
pergi ke rumah 'Uthmān Ibn 'Affān yang baru kematian isterinya  
Ruqayah Bint Rasūlullāh yang ditimpa penyakit campak sekembali  
dari Habghah. Beliau meninggal dunia semasa umat Islam sedang  
berperang di Badr. Umar yang bersimpati dengan kesedihan yang  
dialami oleh 'Uthmān cuba menawarkan Hafṣah. 'Uthmān meminta  
masa untuk berfikir, dan bilamana Umar menemuiinya beberapa

71

'Aishah Abd Rahmān, Tarājum Sa'idiyat Bait al-Nubuwah,  
(Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, 1965) h. 291.

72

Al Haluwi, Mohammad Yusuf, Bayāti al-Sahābi Radīku'llāh Anhum Waradu Anhu, (Damedik, Dar Qalm, 1979) h. 312.

73

'Aishah Abd Rahmān, Op. cit. h. 292.

lalu kemudian, beliau menceritakan yang beliau masih belum sah  
berkahwin semula. Merah padam tu, 'Umar mendekat jawapan  
itu dan sambil memahami kramatnya beliau pergi ke rumah  
Rasūlullāh (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan menceritakan perilaku ke dua dua  
cababat itu, lalu Rasūlullāh (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) menanggak hati 'Umar  
sambil mencerangkan yang Hafṣah akan berkahwin dengan orang  
yang lebih baik dari 'Ummān dan Abī Bakr, dan 'Ummān akan  
berkahwin dengan wanita yang lebih baik dari Hafṣah.<sup>74</sup> Dengan  
itu sahulah 'Umar bahan Rasūlullāh (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) sendiri akan  
mengalami hafṣah, kerana tiada lagi orang yang lebih baik  
dari Abī Bakr dan 'Ummān selain Rasūlullāh (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

Beliau kemudiannya bertemu dengan Abī Bakr, lalu Abī  
Bakr menceritakan bahawa Rasūlullāh pernah monyebut tentang  
Hafṣah. Sekirunya baginda tidak jadi mengahwininya maka Abī  
Bakr akan mengahwinininya.

Lalu berlangsunglah perkahwinan antara Hafṣah binti 'Umar

3) Khatib dengan Rasūlullāh (s.a.w.) pada bulan Sya'ban

75

76

Cikuh ke tiga hijrah dengan mas kahwin sebaiknya 500 dirham.

#### 3.8. Rasūlullāh (s.a.w.) Menceraikan Hafṣah (r.a.).

Kedatangan Hafṣah ke rumah Rasūlullāh (s.a.w.) dengan keistimewaananya dari segi umur dan keturunan telah menimbulkan rasa iri hati di hati 'Aishah (r.a.). Walrusbagaimanapun beliau cuba berbaik dengan Hafṣah, agar dapat dijadikan sahabat yang paling rapat dalam menghadapi istri istri Rasūlullāh (s.a.w.) yang lain dan haerat ini berjaya. Manakala Hafṣah sendiri menghormati 'Aishah sebagai orang yang lebih awal mendiami rumah Rasūlullāh (s.a.w.) dan mendapat tempat yang istimewa di hati baginda. Ini menyebabkan Hafṣah seniru niru perangai 'Aishah.

Keadam ini disedari oleh 'Umar, lalu beliau menasihati anaknya dengan katanya:

Siapalah engkau jika dibandingkan dengan 'Aishah 76  
dan siapalah ayahmu jika dibandingkan dengan ayahnya

Al-Qastīnī Abū 'Abdullāh Ḥanbūl, Wasilat al-Jālīyīn al-Nabī,  
(t...; Pār al-'Arabi al-Isīdī, t.t.) h. 39.

Al-Jumāl, Ibrāhīm Muḥammad Ḥasan, Sawīl al-Nabī Muḥammad  
(Kanjirah: Maktabah Wahabiyah, 1983) h. 30.

Tetapi Hafṣah tetap dengan perungguinya hinggakan di-satu ketika bila ia telah membuatkan Rasūlullāh sareh sehari suntuk. Hal ini menyebabkan 'Umar berteru terang tentang keduukannya disini Rasūlullāh (s. a.w.) dengan katanya:

Demi Allāh, Sesungguhnya saya tahu Rasūlullāh tidak mencintaimu jadi sekiranya tidak keguna saya tentulah baginda sudah menceraikan engkau.

Setengah ahli sejarah mengatakan punca Rasulullah (s. a.w.) menjatuhkan talaq kepada Hafṣah adalah kerana difit beliau yang melampau. Ini dapat dilihat dari peristiwa Nabi berscuai dengan isterinya Maria di rumah Hafṣah. Ini telah menyebabkan Hafṣah merasa terhina dan teringatkan kata-kata ayahnya dulu. Rasūlullāh (s. a.w.) kemudiannya menunjuknya dan mengatakan bahawa Maria haram kepada baginda, dan baginda mengingatkan kepadanya supaya jungan memberitahu hal itu kepada orang lain tetapi Hafṣah telah menceritakannya kepada 'Aīqān' yang selama ini begitu iri hati kepada Maria.

Hal ini diketahui oleh Rasūlullāh (s. a.w.) menerusi wahyu dari Allāh (s.w.t.).

---

Aljami' Abd Rahmān, Op. cit.

Al-Qurtubī, Abu 'Abdās 'Ahmād, Op. cit.

وَإِذَا كَسَرَ الْقُوَّى إِلَى بَعْضِ أَزْوَاجِهِ مُكَبِّلًا مُكَبَّلَاتٍ بِهِ وَأَظْهَرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ عَرَفَ بَعْضَهُ  
وَأَغْرَضَ عَنْ بَعْضِ مُكَبَّلَاتِهِ هَذَا قَالَ نَبِيُّ الْمُلْكِ الْخَيْرٍ 79

Dan ingatlah ketika Nabi (n.s.w.) membangunkan secara rahasia kepada isteri seorang dari peternanya satu peristiwa. Maka tetkala dia menceritakan peristiwa itu kepada yang lain, dan Allah (s.w.t.) memberitahukan hal itu kepada Muhammad, lalu baginda memberitahukan peristiwa itu kepada Hafsan, teliss bertanya siapakah yang memberitahukan hal ini kepadamu. Nabi (n.s.w.) menjawab Allah yang maha pengetahui lagi amat dalsee pengetahuannya.

Peristiwa ini menimbulkan kemerahan Rasulullah (s.s.w.) lalu Allah (s.w.t.) menentahkan kedua dunya supaya bertautat Rasutha, sebagaimana Firman Allah (s.w.t.):

إِنْ تَنْوِي إِلَى آتِهِ فَقَدْ صَفَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظْهِرَ أَعْلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجَنِيرِيلُ  
وَصَلِيْحُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَكَةَ | بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ 80

Jika kamu berdua bertautat kepadaku Allah (wahai isteri isteri Nabi) maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk memerluka ketaikan), dan jika kamu berdua bantu membantu menyusahkan Nabi, maka sesungguhnya Allah adalah pelindungnya dan tegitu juga ditulis dan orang orang sukuil yang baik akan selalu dari itu malah akan malikah adik-adik pengolongnya.

Selengah ahli sejarah menambah bahawa talaq ke atas Hafṣah adalah berikutan amaran yang dibuat oleh Allah (s.w.t.) agar mereka tidak menyusahkan Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam hal hal yang berkaitan dengan Zaynab binti Jahsh dan madu yang diminum oleh Nabi (s.a.w.) di rumahnya.<sup>81</sup>

### 3.9. Rujuk Kembali.

Terdapat bermacam macam pendapat mengenai sebab Nabi (s.a.w.) rujuk kembali kepada Hafṣah. Antaranya ada yang mengatakan kerana menghormati ayahnya ia itu 'Umar al Khattab. Diriyatkan apabila sampai berita tentang talaq Nabi (s.a.w.) ke atas Hafṣah, 'Umar telah menaburkan pasir ke kepalanya dan berkata:

Allah tidak memperdulikan 'Umar dan anaknya.<sup>82</sup>

Dalam riwayat lain pula mengatakan bahawa Jibril telah turun mendapatkan Nabi Muhammad (s.a.w.) dan berkata:

<sup>81</sup> Muhammad Mokhtār, Mawākib al-Sīrat al-Nabawiyat, (Qatār: Dār al-Kitāb al-Qurān, 1985) h. 41.

<sup>82</sup> 'Abd al-'Azīz al-Anṣarī, Syihāb al-Dīn Abī Faḍl, Al-İqāt al-Rāmīyah al-Sāhabat, d. iv (Baghdad: al-Muntakib, 1983) h. 775.

Rujuklah kepada Hafijah kerana ia seorang wanita yang sering berpuasa dan kuat beribadat di malam hari, g3 besungguhnya dia adalah istriku di aburga kelak.

lalu Rasūlullāh (s. 'a.w.) pun rujuk kembali kepada Hafizah.

Di suatu ketika di mana Nabi Muhammād (s. 'a.w.) telah mengasingkan diri dari isteri isterinya selama sebulan kerana isteri isterinya telah berpaktat menuntut nafkah dari baginda sedangkan di masa itu baginda tidak mempunyai sesuatupun untuk diberikan. Pengasingan ini telah menimbulkan cerita bahawa Rasūlullāh telah menderaikan semua isteri isteri baginda.

Setelah berita itu sampai kepada 'Umar, beliau berusaha untuk berjumpa Rasūlullāh (s. 'a.w.) di tempat pengasingannya. Setelah berulangkali mencuba akhirnya beliau berjaya menemui baginda, lalu ditanya tentang kebenaran berita tersebut. Nabi Muhammād (s. 'a.w.) menafikannya dan menerangkan yang baginda hanya mengasingkan diri dari mereka sahaja. Lalu dengan hati yang tenang, 'Umar membawa perkhabaran itu ke Masjid. Nabi Muhammād (s. 'a.w.) kemudiannya turut sama berangkat ke masjid, lalu berakhirlah pengasingan baginda.

#### 2.10. Perubahan Sikap Hafrah (r.a.).

Sikap semula jadi Hafrah ialah cepat marah dan kadang-kadang menjawab kata Rasūlullah (s.a.w.). Bagaimanapun akibat dari peristiwa tersebut telah merubah sikapnya menjadi seorang isteri yang taat, salih dan zuhud.

#### 2.11. Selepas Kewafatan Rasūlullah (s.a.w.)

Rasūlullah (s.a.w.) wafat pada hari Isnin 12 Rabi'ul Awal tahun ke sebelas hijrah ketika Hafrah berumur 28 tahun. Semenjak itu Hafrah sentiasa berada di rumahnya dan menumpukan sepenuh perhatian untuk beribadat dan menazarkan dirinya dan apa yang dimilikinya hanya bagi Allah sehingga beliau terkenal sebagai seorang yang kuat berpuasa, sembahyang malam dan amanah

Beliau dikatakan mendapat 10,000 dirham setahun dari Zaitulmal, walaubagaimanapun dikatakan bayaran sebanyak itu

<sup>84</sup> Afeelur Rahman, Isteri Isteri Rasulullah Dari Kepahlawanan Wanita Islam, Terjemahan Ummu Urwah (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987) h. 10

<sup>85</sup> Mohd. Ali Quthub dkk, 12 Wanita Taulidian Dari Akhirat, terjemahan Siti Amanah Sulri (Singapura: Pustaka Nasional, 1980) h. 77.

sayalah di masa pemerintahan ayahanda saja. Namun begitu sebahagian besar dari wang tersebut diberikan kepada fakir miskin dan sedapa yang memerlukan bantuan.

Beliau juga menjadi tempat tumpuan pertanyaan dari orang ramai yang hendak mencari ilmu pengetahuan terutama dalam hal hal keugamaan. Semua jawapan yang diberikan adalah dari apa yang diketahui dari Rasūlullāh (s.a.w.). Beliau tidak suka mencampuri hal hal politik kecuali dalam perkara yang berhubung dengan persatuan dan kemaslahatan umat Islam.

Beliau terpilih diantara isteri isteri Rasūlullāh (s.a.w.) untuk menyimpan mashaf tulisan tangan al Qur'ān yang pada mulanya disimpan oleh Abū Bakr dan diserahkan kepada 'Umar selepas kematiannya. 'Umar kemudiannya mewariskannya kepada Hafṣah, memandangkan Hafṣah bukanlah seorang yang senang dilakukan dan dengan ini salinan itu akan terselamat di tangan beliau. Kekallah mashaf itu di tangan beliau sehingga ia yang diambil oleh Sayidna Uthmān di masa pemerintahannya yang kemudiannya menyebabkannya menjadi 4 salinan dan dibahagi kepada beberapa kota besar. Selepas itu beliau mengembalikannya kepada Hafṣah.

---

\* Abu 'Iyad Yunus dkk, Bā'irat al-Ma'rif al-Lilāniyah, J.vii (C.b.: t.p., 1933) h. 623.

## 2.12. Selpas Kewafutan 'Umar Ibn al Khattab.

Sayidina 'Umar Ibn al Khattab ditikam dengan belati beracun ketika membahyang di Mihrab oleh Abū Lu'lu al Majusi, yang mengakibatkan kematian beliau.

Semenjak kewafatan ayahandunya, Hafsah mengurung diri di rumahnya dan mendekatkan diri kepada Allah serta menjauhkan diri dari orang ramai demi menjaga dan menghindarkan diri dari keburukan dan dosa.

Semasa umat Islam menghadapi fitnah besar akibat dari pembunuhan Khalifah 'Uthmān yang kemudiannya mencetuskan satu perbalahan antara umat Islam. 'Ummu al mu'minin 'Aishah yang sedang bersiap siap dengan bala tentcranya untuk menuntut balas atas kematian 'Uthmān yang akhirnya mencetuskan perang Jamal telah meminta Hafsah untuk menemaninya. Hafsah yang merasa segan untuk menolak permintaun itu telah bersiap siap untuk keluar tetapi setelah diberi nasihat oleh saudaranya 'Abd Allāh ibn 'Umar, Hafsah membatalkan niatnya itu kerana melaksanakan firman Allah (s.w.t.):

Dan berlimpah rizkah kamu di rumah kamu.

Ketika Sayyidina 'Ali (k.w.) shahid, keadaan negara menjadi kucur kacir dan rakyat berpecah belah, namun Hafsa tetap tinggal di rumahnya di Madīnat al Munawwarat kecuali untuk menunaikan Ragi dan Umarūt.

Walau bagaimanapun terdapat riwayat yang mengetahui bahwa Hafsa pernah memujuk saudaranya 'Abd Allāh ibn 'Umar supaya menuntut kedudukan Khalifah selepas perperangan Siffin tetapi telah ditolak.

### 2.13. Hadīth hadīth Riwayat Hafsa (r. 'a.).

Beliau telah meriwayatkan hadīth hadīth dari Rasūlullah (s.a.w.), ayuhnya 'Umar ibn Khattāb dan saudaranya 'Abd Allāh sebanyak 60 buah hadīth. Duripada hadīth-hadīth tersebut Imam Bukhārī dan Imam Muslim bersepakat dalam tiga buah hadīth dan Imam Muslim secara individu menegahkan enam buah hadīth.

Hadīth hadīth riwayat beliau dalam kedua-dua kitab Sahih itu sepuhulnya sejuga adalah sepakat Imam bukhārī dan Imam Muslim, dengan Imam Muslim menegahkan enam buah hadīth dan Imam

<sup>82</sup> Umar Andal, 'Alām al Niṣā, j. 1 (Dumyāhik: Mu'asat al-Riwaq, 1966) h. 27%

Bukhari mengemukakan empat buah hadith.

Perawi perawi hadith beliau adalah saudara 'Abd Allah  
Ibn 'Umar, anaknya Faqih,isterinya Sofiat Bint Abu 'Abd  
Harith Ibn Wahab, Mu'lab Ibn Abi Wadah,<sup>92</sup> 'Ummu Mu'tamid<sup>93</sup> binti  
Angarikh, 'Abd Rahman Ibn Harith Ibn Hizam, 'Abd Allah<sup>94</sup> Ibn  
Safwan Ibn 'Umayah, Musib Ibn Rafi' dan Suwai al-Kazai.<sup>95</sup>

## 2 M. Kesusasteraan (r.a.).

Hafzah mewarisi kepintaran orang-orang Arab dan diajarnya di bidang kesusasteraan. Ini adalah kerana sejak dari kecil lagi beliau diajar dengan kesusasteraan dan ilmu pengetahuan.

Antara keindahan bahacanya dapat dilihat ketika ia diucapkan ketika kewafatan ayahnya:

Segala puji bagi Allah yang tidak ada senyatanya yang menyamainya, zat yang tidak ada sekutu, sungguh sangat menghairinkan, kaum engkau yang pekerjaannya dikuasai oleh shaitan, yang mana shaitan itu mengepakkan tali talinya untuk memperdayakan mereka, sehingga diah musuh-musuh Allah mencita-citakan untuk menghancurkan bidadah, menggali fitnah dan memperbaiki kerajinan setelah dilenyapkan dan menenangkanunya setelah dihapuskannya.

. 15. Kewafatan Hafsa (r.a.).

Terdapat perselisihan tentang tarikh kewafatan Hafsa.

Ada yang mengatakan bahawa beliau meninggal pada bulan Sha'ban tahun 45 hijrah di masa pemereutahan Mu'awiyah Ibn Abi Suffian ketika berumur 60 tahun.<sup>92</sup> Ada juga yang mengatakan beliau meninggal pada tahun 47 hijrah, ada juga yang mengatakan pada tahun 47 hijrah.<sup>93</sup> Ada juga berpendapat beliau meninggal pada tahun 50 hijrah ia itu ketika bai'ah Hassān Ibn 'Alī kepada Mu'awiyah<sup>94</sup> dan ada juga yang berpendapat beliau meninggal pada tahun 27 hijrah.<sup>95</sup>

Walnubagaimanapun kebanyakkan ahli sejarah mengatakan beliau meninggal pada bulan sha'ban tahun 45 hijrah dalam keadaan berpuasa. Jenazah beliau telah dikeluarkan di Baqi'.<sup>96</sup>

---

Ibn al Jūzzi, 'Abd Rahmān, Uyūn al Tarīkh Wa al Sir, (Kahirah: Numuzjiyat, t.t.) h. 21.

Ibn al Qastīnī, Abū 'Abbās 'Ahmād, al Wafiat, (Beirūt: Dār al Afāq al Jadidah, 1978) h. 21.

Al 'Asqalānī, Shihabuddīn Abu Fadl, Op. cit.

Ibid.

al-Bābili, Op. cit.

Para sahabat telah mengiringi jenazah beliau dan bergilir-gilir membawanya. Marwan telah memikul jenazannya dari Dār al Mughirah dan Abī Hurairah membawanya dari Dār al Mughirah ke kuburnya. Manakala saudaranya 'Abd Allāh Ibn 'Umar beronma Asim Ibn 'Umar, Salīm, 'Abd Allāh dan Hamzah Ibn 'Abd Allāh turun ke liang lahat untuk menyambut dan meletak jenazah beliau.

98

Kewafatan beliau tanpa meninggalkan seorang zuriat, lalu beliau mewasiatkan kepada saudaranya Ibn 'Umar supaya mensedekahkan segala harta di Ghabbah.<sup>99</sup>

Demikianlah riwayat hidup Ummu al Mu'min Hafsa yang banyak memberi teladan kepada kita. Semoga Allāh mencucuri rahmat keatas rohnya.

92

'Abd Ma'lik Ibn Huseyn Ibn 'Abd Ma'lik, Samt Nuju'm al 'Awali, (Kahirah: al Salfat Wa Maktibuhā, 1465 H) h. 282.

93

Ibn al Athir, Izz al din Hasan, al Kāmil fi Tarikh, J. ii (Beirut: Dār Sadir, 1979) h. 308.

94

Ibn al Athir, Izz al Din, On. qit. h. 27.